

Ruj. Kami : M QA.100-1/7/2 Jilid 2 ( 16 )  
Tarikh : 6 Mei 2019

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT MAKLUMAN M QA BIL. 2/2019

#### PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MICRO-CREDENTIALIAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi menyokong hasrat kerajaan dalam membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, M QA) bersama beberapa panel pakar telah membangunkan dokumen **Panduan Pelaksanaan Program Micro-Credential (MC)**. Tujuan utama dokumen Panduan Pelaksanaan Program MC adalah untuk:

- i) menyediakan sumber rujukan tentang MC dan pelaksanaannya kepada pihak berkepentingan;
- ii) memberi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang berhasrat untuk melaksanakan program MC di PPT masing-masing; dan
- iii) menjelaskan kaedah terbaik dalam mendapatkan pindah kredit daripada program MC yang telah dilalui.

3. Penawaran program MC dapat memberi peluang terutamanya kepada individu bekerja untuk meningkatkan kemahiran spesifik yang diperlukan oleh majikan dan industri dalam tempoh yang singkat. Ia juga bertujuan untuk memastikan kekinian ilmu serta menutup jurang kemahiran (*skills gap*) yang disebabkan oleh perkembangan teknologi dan pengetahuan masa kini yang sangat pantas.


4. Panduan ini merupakan fasa pertama yang memberikan tumpuan kepada program MC berbentuk *continuous professional development* (CPD) yang tidak membawa kepada penganugerahan kelayakan formal. Manakala dalam fasa kedua, M QA akan membangunkan Garis Panduan Pelaksanaan Program MC yang membawa kepada kelayakan akademik formal yang meliputi dasar pelaksanaan secara komprehensif.

5. Diharapkan dokumen ini dapat digunakan sebagai panduan kepada PPT yang ingin melaksanakan program MC dan dapat membantu institusi pendidikan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber pendidikan sedia ada serta menyokong hasrat kerajaan dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.
6. Untuk makluman juga, dokumen ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web MQA: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)  
E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pendidikan  
Pejabat Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**
7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 4, Bangunan Canselori  
Universiti Malaysia Terengganu  
**21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**

8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**